



Semua Ketua Jabatan Negeri,
PULAU PINANG.

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI
BIL. 4 TAHUN 2007**

***GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN
CADANGAN BAJET TAHUN 2008***

Tujuan

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan menyediakan cadangan perbelanjaan mengurus dan pembangunan Negeri bagi tahun 2008.

Latar Belakang

2. Selaras dengan Misi Nasional dan RMKe-9, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menggubal Misi Negeri Pulau Pinang atau *The Penang Mission* bagi tempoh 2006 hingga 2020 dan Rancangan Negeri Pulau Pinang yang Kedua (RNPP2) bagi tempoh 2006 hingga 2010. Sehubungan dengan itu, bajet Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2008 perlu merangka usaha-usaha dan agenda-agenda tindakan untuk terus menyumbang kepada kejayaan dan kesinambungan pelaksanaan Misi Negeri Pulau Pinang dan RNPP2.

3. Misi Nasional bagi tahun 2006 hingga 2020 yang dirangka berlandaskan kepada lima (5) teras utama telah menjadi tunjang dan landasan kepada Kerajaan Negeri untuk menggubal dan melaksanakan Misi Negeri Pulau Pinang juga bagi tempoh yang sama dengan lima (5) teras utama seperti berikut:

- (i) Meningkatkan daya saing dan nilai tambah ekonomi negeri;
- (ii) Membina masyarakat berpengetahuan yang bermoral (*k society*) dan memperkasakan kebudayaan yang segar (*vibrant culture*);
- (iii) Memajukan pembangunan sosio-ekonomi yang lebih adil dan seimbang serta memupuk semangat penyayang;
- (iv) Memelihara keseimbangan alam sekitar dan meningkatkan kualiti hidup rakyat; dan
- (v) Memajukan urus tadbir yang baik dan mengukuhkan keupayaan pelaksanaan.

4. Disamping Misi Negeri Pulau Pinang dan RNPP2, Pulau Pinang juga turut terlibat dalam konsep koridor pembangunan khususnya Koridor Pembangunan Utara (*Northern Corridor Economic Region, NCER*). Misi NCER yang diterajui oleh Kumpulan Sime Darby akan dapat mewujudkan dan memperkasakan perhubungan sinergistik antara negeri-negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Utara Perak supaya dapat menggabungkan segala kelebihan daripada setiap negeri berkaitan untuk menambah keberkesanan pembangunan secara lebih bersepadu, seimbang dan selaras. Oleh yang demikian, selain daripada peruntukan pembiayaan Negeri dan peruntukan pembiayaan

Persekutuan di bawah RMKe-9 dijangka melalui NCER juga suntikan kewangan akan diperolehi daripada sektor swasta sebagai tambahan kepada peruntukan pembangunan untuk negeri Pulau Pinang.

5. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri melalui penyediaan bajet tahun 2007 telahpun mengambil kira keperluan bagi memastikan peruntukan yang disediakan dan dibiayai daripada sumber negeri dapat menokotambah dan melengkap peruntukan dan suntikan kewangan bagi projek-projek di bawah RMKe-9 serta NCER.

6. Seperti mana strategi bajet tahun 2007, maka pembangunan negeri bagi tahun 2008 juga perlu komplemen dengan rangka kerja dalam memastikan pembangunan negeri seiring dengan matlamat RMKe-9 dan NCER. Di samping itu, strategi bajet tahun 2008 juga akan terus memberi komitmen penuh bagi menjayakan lima (5) teras Misi Negeri Pulau Pinang tersebut.

Dasar Bajet Negeri Tahun 2008

7. Kedudukan kewangan negeri bagi tahun 2008 harus dirancang ke arah mencatat kewangan berimbang. Hasil daripada pengurusan kewangan secara berhemah dan usaha-usaha serta tindakan agresif bagi meningkatkan pungutan hasil dan mengurangkan tunggakan, maka Negeri Pulau Pinang telah berjaya mencatat bajet *surplus* sejak tahun 2003 lagi. Walau bagaimanapun, perancangan ke arah bajet berimbang atau berlebihan harus memastikan perbelanjaan mengurus adalah pada tahap yang sejajar dan seiring dengan matlamat pembangunan Negeri pada tahap yang mapan. Justeru itu, teras

strategi bajet tahun 2007 akan terus diberi penekanan dan pengukuhan dalam tahun 2008, iaitu seperti berikut:

- (i) Mengukuhkan kedudukan kewangan Negeri dan mengamalkan pengurusan kewangan berhemat;
- (ii) Mengimbangkan keperluan pembangunan selaras dengan kemampuan kewangan Negeri dan agihan peruntukan Persekutuan;
- (iii) Meningkatkan pungutan hasil, termasuk mengurangkan tunggakan; dan
- (iv) Meningkatkan kecekapan jentera pentadbiran, memperkukuhkan tadbir urus dan integriti serta memupuk budaya kecemerlangan dan berprestasi tinggi, ke arah usaha menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam.

8. Dalam melaksanakan strategi dan langkah-langkah untuk memastikan momentum pembangunan Negeri terus kukuh dalam tahun 2008, Pegawai Pengawal disarankan memberi perhatian dan mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) Mengukuhkan kedudukan kewangan Negeri dan mengamalkan pengurusan kewangan berhemat dengan cara:
 - (a) Menyediakan cadangan perbelanjaan mengurus yang mengambil kira keperluan sebenar, keutamaan perbelanjaan dan kemampuan berbelanja untuk mengelakkan pembaziran;

- (b) Mengutamakan pelaksanaan program dan aktiviti jabatan yang benar-benar dapat menyumbang kepada pencapaian dan keberkesanan objektif jabatan; dan
 - (c) Melaksanakan SPP Bil. 2 Tahun 1996 yang mengandungi tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun di jabatan masing-masing dalam meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan.
- (ii) Mengimbangkan keperluan pembangunan selaras dengan kemampuan kewangan Negeri dan agihan peruntukan Persekutuan dengan cara:
- (a) Menumpukan kepada projek-projek yang merupakan *core business* jabatan;
 - (b) Memastikan perancangan projek dibuat dengan rapi dengan mengambil kira keperluan aliran tunai sebenar bagi tahun tersebut, mengoptimumkan sumber pembiayaan daripada Persekutuan di samping agihan pembiayaan Negeri serta mengambil kira keupayaan dan kemampuan pelaksanaan oleh jabatan; dan
 - (c) Mengutamakan projek-projek yang menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan pertumbuhan ekonomi, yang dapat memberi pulangan yang maksimum kepada kumpulan sasaran serta boleh menghasilkan sumber hasil baru di samping meningkatkan kutipan hasil.
- (iii) Meningkatkan pungutan hasil semasa, pungutan tunggakan dan mengurangkan tunggakan dengan cara:

- (a) Mengkaji semula dan melaksanakan kadar-kadar hasil baru mengikut jadual, seperti kadar cukai tanah yang masih pada kadar lama sejak 10 tahun yang lalu;
 - (b) Menggiatkan kutipan hasil semasa, kutipan tunggakan dan mempertingkatkan langkah-langkah penguatkuasaan;
 - (c) Mengenalpasti sumber hasil baru dan kadar hasil yang patut dipungut; dan
 - (d) Memaksimumkan aplikasi ICT dalam mengemaskini rekod hasil dan memantau kutipan hasil.
- (iv) Meningkatkan kecekapan jentera pentadbiran, memperkukuhkan tadbir urus dan integriti serta memupuk budaya kecemerlangan dan berprestasi tinggi, ke arah usaha menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam dengan cara:
- (a) Memberi keutamaan kepada pembangunan modal insan melalui program latihan dan penghayatan ilmu untuk meningkatkan kemahiran anggota perkhidmatan awam, mengubah minda dan paradigma, mewujudkan pekerja berilmu dan berfikiran kelas pertama, mempunyai daya saing global serta sentiasa sesuai dengan tuntutan dan kehendak semasa;
 - (b) Meningkatkan penggunaan ICT berdasarkan Pelan Induk K-ICT Negeri dengan pelaksanaan aplikasi-aplikasi yang interaktif dalam memudahkan komunikasi dan penyelarasan di antara jabatan dan pelanggan mereka

serta membangunkan beberapa sistem, antara lain seperti *Policy Management System* (PoliSys) dan Sistem Pemantauan Projek Negeri (SPPN) di bawah Pelan Pelaksanaan Strategik ICT (ISP);

- (c) Melaksanakan *business process re-engineering* dalam jabatan masing-masing dengan memastikan perkhidmatan yang diperlukan sampai kepada kumpulan sasaran (*customer focused*) secara ekonomik dan menepati masa;
- (d) Mengutamakan penerapan nilai-nilai murni dan integriti demi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap, berkesan dan beramanah.

Pengurusan dan Kawalan Kewangan

9. Memandangkan matlamat Bajet 2008 adalah untuk mencapai kewangan berimbang, adalah menjadi tanggungjawab utama Pegawai Pengawal untuk menentukan pengurusan kewangan dan perakaunan terkawal agar dapat menyumbang kepada keberkesanan kos pelaksanaan projek, khususnya projek infrastruktur dan sosial yang menjadi pemangkin pengukuhan ekonomi serta kesejahteraan rakyat.

10. Oleh itu adalah penting Pegawai Pengawal memberi perhatian terhadap teguran-teguran Audit yang membangkitkan kelemahan-kelemahan pengurusan kewangan dan akaun dalam laporannya setiap tahun. Antaranya ialah perbelanjaan kurang daripada peruntukan, peruntukan tidak dibelanjakan, kekerapan pindah peruntukan, perbelanjaan tidak mematuhi tatacara perolehan, buku vot tidak

diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta kutipan hasil yang tidak memuaskan. Kelemahan-kelemahan ini timbul kerana Arahan Perbendaharaan dan lain-lain peraturan yang terkandung dalam Akta Prosedur Kewangan, Pekeliling-pekelling Perbendaharaan, Surat-surat Pekeliling Perbendaharaan, Surat-surat Pekeliling Jabatan Kewangan Negeri serta arahan-arahan pengurusan utama yang dikeluarkan dari semasa kesemasa tidak dipatuhi sepenuhnya.

11. Sekiranya terdapat pegawai yang melanggar peraturan kewangan yang ditetapkan, Pegawai Pengawal hendaklah menyiasat dan mengambil tindakan surcaj berdasarkan Seksyen 18 Akta Prosedur Kewangan 1957. Di samping itu, adalah penting Pegawai Pengawal mengambil tindakan disiplin di bawah Perintah Am bagi perkara-perkara dalam pengurusan kewangan yang menunjukkan kecuaiian dan sikap yang tidak peka dalam memperakaunkan hasil dan perbelanjaan secara yang teratur, walaupun perkara-perkara ini tidak *tantamount* kepada surcaj.

Penyediaan Cadangan Perbelanjaan Mengurus

Batas Perbelanjaan

12. Selaras dengan Sistem Belanjawan Diubahsuai, Jabatan Kewangan Negeri akan memaklumkan peruntukan berasaskan kepada formula pengiraan Batas Perbelanjaan untuk Dasar Sedia Ada. Pegawai Pengawal perlu memastikan supaya peruntukan Batas Perbelanjaan ini diagihkan secukupnya kepada Objek Am 10000 hingga 50000 mengikut keperluan sebenar dan keutamaan program dan aktiviti jabatan, bagi mengelak amalan pindah peruntukan untuk

menampung isu ketidakcukupan peruntukan atau mengelak masalah tidak berbelanja langsung.

13. Pegawai Pengawal diminta mengambil perhatian bahawa permohonan peruntukan bajet tahunan hendaklah tidak melebihi Batas Perbelanjaan yang telah ditetapkan. Dalam penyediaan cadangan bajet mengurus, Pegawai Pengawal hendaklah juga memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:

- (i) Memastikan pengagihan bagi Objek Am 10000 Emolumen mengambil kira pewujudan jawatan-jawatan baru khususnya bagi kelima-lima Pejabat Daerah yang terlibat dengan penstrukturan semula dan penambahan jawatan hampir 50% daripada jawatan sedia ada, mengambil kira kenaikan gaji serta juga bayaran bonus sekurang-kurangnya satu (1) bulan;
- (ii) Merancang dan merangka tindakan pengurusan secara strategik dan berkesan untuk memastikan sumber kewangan digunakan dengan cara paling optimum bagi mencapai objektif yang ditetapkan;
- (iii) Membuat penilaian program dari segi pencapaian objektif dan kesesuaian program serta mempertingkatkan lagi prestasi dan impak program;
- (iv) Memastikan keperluan peruntukan bagi perbelanjaan yang komited dimohon secukupnya dan tidak digunakan untuk perbelanjaan lain yang tidak terancang;
- (v) Memberi penekanan kepada perolehan secara sewaan berbanding dengan pembelian, khususnya bagi peralatan-

peralatan yang memerlukan penyelenggaraan dan mudah mengalami perubahan teknologi;

- (vi) Menentukan keperluan sebenar aset baru oleh jabatan dengan huraian justifikasinya yang kukuh dan kadar harga yang tepat supaya tidak berbangkit masalah penggantian cadangan aset kepada item baru serta lebih peruntukan yang banyak; dan
- (vii) Cadangan perbelanjaan penyelenggaraan bangunan dikemukakan secara berasingan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk pertimbangan. Cadangan kerja-kerja penyelenggaraan ini akan dimasukkan samada di bawah maksud perbelanjaan mengurus JKR ataupun di bawah maksud pembangunan, mengikut mana yang berkaitan. Bagi kerja-kerja pembaikan kecil bangunan pejabat pula, cadangan perbelanjaan boleh dimohon di bawah anggaran mengurus jabatan masing-masing.

Dasar Baru/ *One Off* Cadangan Penjimatan

14. Pegawai Pengawal boleh membuat permohonan peruntukan untuk Dasar Baru (program/aktiviti baru termasuk tambahan, sambungan atau perluasan kepada dasar sedia ada) dan *One Off* (perbelanjaan bukan berulang) dengan syarat telah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri sebelum permohonan peruntukan dimasukkan dalam cadangan bajet tahun 2008. Perancangan yang teliti adalah penting untuk mengelakkan permohonan peruntukan Dasar Baru atau *One Off* secara *ad hoc*.

15. Pegawai Pengawal hendaklah mengemukakan Cadangan Penjimatan sekiranya terdapat penjimatan bagi peruntukan sedia ada dalam lingkungan batas perbelanjaan yang diberikan bagi Dasar Sedia Ada yang telah mencapai objektifnya ataupun tidak sesuai lagi untuk diteruskan.

16. Semasa menimbangkan permohonan *One Off* kemungkinan *One Off* yang diluluskan tersebut akan dibiayai daripada penjimatan ataupun kurang belanja di bawah peruntukan Dasar Sedia Ada. Langkah ini bertujuan untuk mengurangkan *short fall* perbelanjaan daripada peruntukan Objek Am 10000 Emolumen yang sering terdapat lebih peruntukan disebabkan kekosongan jawatan yang akhirnya mempunyai impak ke atas prestasi perbelanjaan jabatan.

17. Seperti mana keputusan Mesyuarat JPKA Negeri Bil. 1/2007 pada 9 Februari 2007, Pegawai Pengawal disarankan mengasingkan perkiraan peruntukan Emolumen bagi jawatan-jawatan yang belum diisi di mana agihan peruntukannya bagi tahun 2008 akan disalurkan kepada Maksud Bekalan B.01 Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan dan tidak kepada vot jabatan. Pelarasan akan hanya dibuat setelah jawatan kosong di jabatan diisi.

Format Anggaran Mengurus

18. Penyediaan cadangan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2008 hendaklah mengikut panduan yang dikembarkan bersama-sama Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 4 Tahun 2007 ini iaitu format seperti di **Lampiran A**, dengan menggunakan perisian SPEKS (Modul Bajet)

serta mencetak dan mengemukakan dokumen dalam bentuk *hardcopy*.

Penyediaan Cadangan Perbelanjaan Pembangunan

19. Peruntukan pembangunan yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri adalah bertujuan untuk komplemen pembiayaan Persekutuan melalui peruntukan RMKe-9, projek-projek khas yang diluluskan oleh Persekutuan dari semasa kesemasa dan juga suntikan kewangan NCER. Oleh itu dengan mengambilkira perbelanjaan mengurus Negeri yang kian meningkat berbanding dengan sumber kewangan Negeri yang terhad, maka hala tuju pembiayaan peruntukan pembangunan oleh Kerajaan Negeri pada masa-masa akan datang dijangka beralih kepada pembiayaan sepenuhnya daripada Kerajaan Persekutuan. Sumbangan Kerajaan Negeri ialah dari segi penyediaan kemampuan jentera pentadbiran untuk melaksanakan program dan projek pembangunan pembiayaan Persekutuan.

20. Kerajaan Negeri memandang berat di atas berlakunya *shortfall* dalam perbelanjaan pembangunan pada tahun-tahun yang lalu. Oleh yang demikian, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan pembangunan yang dimohon telah mengambil kira keupayaan melaksana (*implementation capacity*) oleh semua pihak terlibat, dengan mengambil kira bukan sahaja pembiayaan Negeri tetapi juga agihan peruntukan Persekutuan yang akan turut dilaksanakan oleh jentera pentadbiran yang sama. Kerjasama Pegawai Pengawal adalah

juga diminta bagi memastikan hanya peruntukan yang boleh dibelanjakan dalam tahun berkaitan dimohon.

21. Permohonan peruntukan pembangunan bagi tahun 2008 yang dibuat oleh Pegawai Pengawal hendaklah berasaskan kepada siling peruntukan projek yang telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Peruntukan bagi projek-projek pembangunan akan hanya dipertimbangkan berasaskan kriteria-kriteria berikut:

- (i) Perancangan keseluruhan untuk projek tersebut telah siap, lengkap dengan jadual kerja serta peruntukan kewangan yang diperlukan untuk setiap peringkat aktiviti berdasarkan *Preliminary Detailed Abstract* projek dan telah mendapat kelulusan UPEN; dan
- (ii) Jabatan bukan teknikal telah merujuk terlebih dahulu kepada JKR atau jabatan teknikal lain berkaitan skop projek yang akan dilaksanakan dan telah mendapat persetujuan bertulis bagi melaksanakan projek tersebut serta dapat mematuhi jadual pelaksanaan kerja projek tersebut.

22. Bagi butiran projek Pengambilan Balik Tanah, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan cadangan lot-lot tanah yang dimohon pengambilan balik telahpun diluluskan di peringkat Jawatankuasa MMK Tanah dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Memandangkan proses pengambilan balik tanah mengambil masa yang lama, Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan peruntukan token bagi tahun 2008 bagi projek-projek pengambilan balik tanah yang masih di peringkat kelulusan awal dan yang dijangka tidak dapat diselesaikan pembayaran dalam tahun semasa. Tindakan ini bertujuan bagi memastikan tiada *shortfall* bagi peruntukan yang disediakan untuk pengambilan balik tanah dalam tahun semasa.

23. Pegawai Pengawal juga hendaklah memberi perhatian kepada pelaksanaan projek-projek sambungan pada tahun 2007 dan projek-projek yang tidak dapat disiapkan menurut jadual pada tahun 2007 dan memerlukan peruntukan semula supaya dimasukkan dalam cadangan bajet tahun 2008. Semakan semula jadual perancangan dan pelaksanaan projek adalah mustahak bagi menentukan peruntukan yang disediakan untuk tahun 2008 mencukupi dan tidak berlebihan.

24. Pegawai Pengawal juga diingatkan bahawa projek-projek yang melibatkan perolehan melalui proses Sebutharga atau Tender hendaklah dirancang pelaksanaannya seawal mungkin selaras dengan ketetapan pentadbiran Negeri supaya semua tender dipertimbangkan tidak lewat daripada 30 September dalam tahun semasa. Ianya bertujuan memberi masa yang mencukupi untuk pelaksanaan projek mengikut peruntukan tahun kewangan semasa, disamping melancarkan perancangan serta penyediaan peruntukan di tahun berikutnya.

Format Anggaran Pembangunan

25. Untuk tujuan penyediaan anggaran perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2008, Pegawai Pengawal hendaklah mengikut panduan yang dikembarkan bersama-sama Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 4 Tahun 2007 ini iaitu format seperti di **Lampiran B**, dengan menggunakan perisian SPEKS (Modul Bajet) serta mencetak dan mengemukakan dokumen dalam bentuk *hardcopy*.

Cadangan Anggaran Hasil Tahun 2008

26. Cadangan anggaran hasil hendaklah disediakan dengan mengambil kira seperti berikut:

- (i) Meneliti rekod prestasi setiap jenis hasil bagi dua (2) tahun lepas;
- (ii) Mengenalpasti perubahan-perubahan yang telah dan dijangka berlaku dari segi dasar, peraturan dan kadar kutipan hasil;
- (iii) Mengkaji kemampuan kutipan hasil semasa dan anggaran tunggakan hasil yang akan dibawa ke tahun berikutnya; dan
- (iv) Membuat perkiraan yang terperinci dengan memberi asas-asas yang tepat mengenai kadar dan jumlah hasil yang dipungut mengikut jenis hasil yang sepatutnya dipungut bagi sesuatu tahun.

27. Sekiranya cadangan anggaran hasil tahun 2008 mempunyai perbezaan yang ketara dengan anggaran hasil tahun 2006, Pegawai Pengawal/Pemungut adalah diminta memberi sebab-sebab kenapa terdapat perbezaan yang besar serta perkiraan terperinci mengenainya.

Format Anggaran Hasil

28. Pegawai Pengawal dalam penyediaan cadangan anggaran hasil tahun 2008 hendaklah mengikut panduan yang dikembarkan bersama-sama Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 4 Tahun 2007 ini iaitu format seperti di **Lampiran C**, dengan menggunakan perisian SPEKS

(Modul Bajet) serta mencetak dan mengemukakan dokumen dalam bentuk *hardcopy*.

Perjawatan

29. Bagi memenuhi keperluan perjawatan dan keanggotaan dalam perkhidmatan awam serta penggunaan tenaga kerja secara optimum di peringkat jabatan dan agensi, Pegawai Pengawal hendaklah mengambil perhatian perkara-perkara berikut:

- (i) Dasar mengawal pertumbuhan saiz perkhidmatan awam akan diteruskan. Sehubungan dengan ini, jabatan/agensi yang mempunyai perancangan untuk menambah perjawatan atau membuat penyusunan semula ke atas struktur organisasinya hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan Malaysia melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.
- (ii) Jabatan/agensi yang telah dibekalkan dengan peralatan automasi pejabat dan sistem-sistem ICT hendaklah menilai semula keperluan perjawatan sedia ada berbanding dengan sistem dan prosedur kerja yang baru. Pegawai Pengawal disarankan memastikan *process re-engineering* dilakukan bagi mengurangkan karenah birokrasi serta mengoptimumkan penggunaan tenaga kerja dan ICT.

30. Cadangan perjawatan yang telah dikeluarkan Surat Kelulusan Perjawatan oleh Perbendaharaan Malaysia dan diikuti dengan Waran Perjawatan Negeri sahaja yang boleh dimasukkan tanggungan perbelanjaannya dalam cadangan bajet 2008.

Perjanjian Program

31. Perkhidmatan yang perlu disampaikan oleh jabatan kepada pelanggan ditetapkan oleh fungsi sesuatu jabatan berkaitan, sejajar dengan visi, misi dan objektifnya. Bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan adalah berkualiti sejajar dengan fungsi, visi dan misi jabatan serta memenuhi kehendak pelanggan, jabatan perlu mengukur prestasi perkhidmatan masing-masing. Dalam melaksana pengukuran prestasi jabatan, Pegawai Pengawal dikehendaki mengemukakan Perjanjian Program mengikut format ABM-2 (MBS/PP) dalam panduan yang dikembarkan bersama-sama Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 4 Tahun 2007.

32. Pengukuran prestasi jabatan melalui pengenalpastian *critical success factor* dan seterusnya penentuan petunjuk-petunjuk prestasi utama (*key performance indicator*) telah disarankan menjadi budaya kerja dalam perkhidmatan awam. Oleh itu, dalam mengenalpasti strategi bagi mewujudkan KPI dan melaksanakan pengukuran prestasi di jabatan, Pegawai Pengawal juga dikehendaki merujuk kepada PKPA Bil. 2 Tahun 2005 berkaitan Garis Panduan Bagi Mewujudkan KPI dan Melaksanakan Pengukuran Prestasi di Agensi Kerajaan.

Penyampaian Cadangan Perbelanjaan Tahun 2008

33. Cadangan anggaran perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan serta Hasil tahun 2008 hendaklah **dikemukakan sebelum atau pada 30 April 2007** kepada Jabatan Kewangan Negeri dengan mengikut format dan peraturan seperti berikut:

- (i) Format cadangan Perbelanjaan Mengurus bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti di **Lampiran A**, dengan mengguna perisian SPEKS (Modul Bajet) serta mencetak dan mengemukakan 2 salinan dokumen dalam bentuk *hardcopy*.
- (ii) Format cadangan Perbelanjaan Pembangunan seperti di **Lampiran B**, dengan mengguna perisian SPEKS (Modul Bajet) serta mencetak dan mengemukakan 2 salinan dokumen dalam bentuk *hardcopy* kepada Jabatan Kewangan Negeri dan 5 salinan kepada UPEN.
- (iii) Format cadangan Anggaran Hasil seperti di **Lampiran C**, dengan mengguna perisian SPEKS (Modul Bajet) serta mencetak dan mengemukakan 2 salinan dokumen dalam bentuk *hardcopy*.

Pemeriksaan Cadangan Anggaran

34. Pemeriksaan cadangan anggaran akan diadakan mulai Mei 2007 dan jabatan-jabatan akan dimaklumkan mengenai jadual yang ditetapkan melalui surat. Pegawai Pengawal dan pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dengan pengurusan kewangan jabatan dikehendaki hadir dengan membawa bersama dokumen-dokumen rujukan seperti berikut:

- (i) Cetakan format cadangan anggaran Perbelanjaan Mengurus, Pembangunan dan Hasil menurut **Lampiran A, B dan C** berasaskan perisian SPEKS (Modul Bajet) - deraf awal;
- (ii) Penyata kewangan jabatan bagi tahun 2006;
- (iii) Perjanjian Program tahun 2008 - deraf awal;

- (iv) Laporan/buku vot tahun 2006 dan 2007;
- (v) Senarai inventori jabatan; dan
- (vi) Surat/dokumen lain yang dapat memberi justifikasi kepada permohonan peruntukan cadangan anggaran perbelanjaan Mengurus tahun 2008.

Perkara-Perkara Lain

35. Pegawai Pengawal adalah diminta memberi kerjasama di dalam memastikan bahawa cadangan perbelanjaan yang dikemukakan kepada Jabatan Kewangan Negeri adalah mengikut arahan dan peraturan yang terdapat dalam surat pekeliling ini termasuk arahan mengenai tarikh penyampaian cadangan bajet. Jika terdapat sebarang kemusykilan dalam penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2008, pegawai-pegawai berikut bolehlah dihubungi untuk mendapat bantuan iaitu:

- (i) Encik Kamarudin bin Mohamad Sa'ad - No. Tel: 6505186
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
- (ii) Puan Hashimah bt. Mohamed Hashim - No. Tel: 6505557
Ketua Pen. Pegawai Kewangan Negeri (Bajet)
- (iii) Puan Zakiah bt. Mat - No. Tel: 6505197
Ketua Pembantu Tadbir (Bajet)

Sekian, terima kasih.

` BERKHIDMAT UNTUK NEGARA `

Saya yang menurut perintah,



[DATO' SUPIAH BT. MD. YUSOF]

Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang.

Tarikh : 5 Mac 2007